

COMMENTARY/ KOMENTAR

SEJAUH MANAKAH KEUPAYAAN PENYELIDIKAN MALAYSIA MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN KUASA NASIONAL?

How Far Does Malaysian Research Capability Contribute to National Power Development?

Prof. Madya Dr Norsaleha Mohd Salleh^①

¹ Ketua Editor IJISTRA, IRIS Institute
(^①editor.ijistra@gmail.com)

1.0 Pendahuluan

Isu lambakan penyelidikan di Malaysia yang terpendam dalam jurnal telah mendapat perhatian dari banyak pihak. Beberapa punca dan penyelesaian kepada masalah ini telah dilontarkan namun realiti ini tidak akan dapat diubah sekiranya punca sebenar masalah ini tidak dikenal pasti dan ditangani dengan tepat. Isu timbunan penerbitan hasil kajian dalam jurnal ini turut membuka semula wacana tentang pelbagai isu lain seperti isu petunjuk prestasi utama atau KPI pensyarah yang lebih menekankan aspek kuantiti penerbitan dan situasi, isu penarafan atau *ranking* universiti, isu monopoli syarikat penerbitan kapitalis, isu penyelidikan yang tidak selari dengan kehendak industri serta isu birokrasi dalam hubungan kerjasama antara universiti dan industri. Bagaimanapun, semua isu ini sebenarnya hanya simptom kepada penyakit yang lebih kritikal untuk dirawat iaitu keterbatasan kehendak dan keupayaan penyelidikan nasional yang terperangkap dalam kerangka keilmuan Barat sehingga menyekat potensi sebenar negara untuk mencapai kuasa nasional.

2.0 Konflik Kepentingan dan Tumpuan kepada Keuntungan Material Sekat Potensi Keupayaan Penyelidikan Malaysia

Institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia melakukan penyelidikan melalui dana yang diperoleh dari pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Geran *quick win* penyelidikan swasta biasanya melibatkan kajian gunaan (*applied*) dalam tempoh tiga hingga enam bulan bagi tujuan pembangunan dan pengkomersialan produk. Geran penyelidikan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan pula biasanya ke arah pembangunan dan penguatkuasaan dasar dan polisi negara. Pada masa yang sama, pihak universiti juga bertanggungjawab dalam mengasah bakat untuk negara melalui penyelidikan asas (*fundamental*) dan gunaan yang memakan masa dua hingga tiga tahun. Bagaimanapun, perhatian dan tenaga para pensyarah tidak tertumpu sepenuhnya kepada penyelidikan sahaja kerana turut bertanggungjawab mengajar dan menyelia pelajar, menyertai seminar atau persidangan, menulis dan menerbitkan hasil kajian melalui laporan, jurnal, buku dan sebagainya serta menawarkan khidmat nasihat dan perundingan kepada komuniti dan industri. Oleh itu, terdapat konflik kepentingan dan banyak cabaran yang dihadapi oleh pelbagai pihak yang terlibat dalam penyelidikan di Malaysia.

Peranan pihak penyelidik dalam meningkatkan keupayaan penyelidikan negara dan pemanfaatan hasil penyelidikan tempatan adalah terhad kepada pelaksanaan kajian dan penyebaran hasil kajian dengan

kapasiti dan infrastruktur yang mereka ada. Terdapat juga para pensyarah dan penyelidik yang proaktif menyampaikan ilmu kepada masyarakat awam melalui media sosial dan program-program perkongsian ilmu di luar universiti. Namun, rata-rata KPI pensyarah meletakkan nilai yang rendah kepada sumbangan pensyarah dalam komuniti dan lebih menekankan kuantiti penerbitan dan sitasi. Malah, sumbangan penyelidikan sering dilihat dalam bentuk manfaat material atau keuntungan wang sahaja sehingga mengabaikan manfaat penyelidikan untuk pembangunan insan, masyarakat dan negara dalam aspek yang lebih besar.

Tanggungjawab pihak penyelidik adalah melakukan kajian dan menyampaikan hasil kajian kepada pihak pemberi dana dan pemegang taruh yang lain, manakala pihak universiti, kerajaan dan pemberi dana pula mempunyai tanggungjawab yang lebih besar untuk menyebarkan dan memanfaatkan hasil kajian dalam skop yang lebih luas. Contohnya, hasil kajian mengenai akidah dan ketenangan jiwa remaja boleh digunakan untuk menghasilkan modul pendidikan untuk guru, pensyarah dan ibubapa di seluruh negara. Contoh lain, hasil kajian berkenaan gangguan seksual boleh digunakan untuk membangunkan aplikasi atas talian dengan lebih efektif sekiranya pihak kedua dan ketiga seperti pihak polis, jabatan kebajikan masyarakat dan syarikat pembangunan aplikasi dan perisian berganding bahu memanfaatkan hasil penyelidikan ini.

Kajian-kajian seperti ini penting untuk mencapai potensi penuh seluruh rakyat Malaysia sebagai salah satu sumber penting kuasa nasional. Potensi populasi untuk membangunkan sebuah negara yang kuat, maju dan berdaulat bukan sahaja dilihat sebagai tenaga buruh dalam ekonomi tetapi insan yang sihat dan sejahtera dalam segenap aspek fizikal, mental dan rohani yang membangunkan institusi keluarga dan masyarakat yang utuh dan bahagia. Sekiranya hasil-hasil kajian seperti ini dimanfaatkan sepenuhnya, ia dapat meningkatkan tahap kebahagiaan dan kualiti hidup rakyat Malaysia. Dalam erti kata lain, penyelidikan negara berupaya membangunkan dan memanfaatkan sepenuhnya potensi populasi sebagai salah satu sumber kuasa nasional. Sayangnya, banyak hasil kajian tidak dimanfaatkan sebaiknya kerana banyak pihak masih fokus kepada pulangan pelaburan atau keuntungan material jangka pendek sahaja. Justeru ia mengabaikan pemanfaatan hasil penyelidikan negara untuk membangunkan kuasa nasional.

Pihak penyelidik dan institusi pengajian tinggi bertanggungjawab melakukan kajian demi kepentingan nasional serta memenuhi keperluan dan kehendak industri. Pada masa yang sama, pihak industri berperanan memanfaatkan hasil kajian demi kepentingan nasional bukan sekadar meraih keuntungan komersial semata-mata. Pihak industri juga perlu melabur dalam penyelidikan tanpa bergantung kepada kajian luar untuk membina kekuatan keupayaan penyelidikan dan teknologi tempatan. Perkara ini penting untuk menguatkan daya saing negara dan meningkatkan nilai industri tempatan dalam ekonomi antarabangsa. Pihak kerajaan pula perlu merencana pembangunan negara yang menyeluruh termasuk meningkatkan keupayaan penyelidikan dan keupayaan industri tempatan sehingga mampu merealisasikan potensi nasional sepenuhnya. Tuntasnya, semua pihak menggalas tanggungjawab membangunkan keupayaan penyelidikan Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang kuat, maju dan berdaulat.

3.0 Bangunkan Keupayaan Penyelidikan yang Mandiri dengan Kerangka Keilmuan yang Tersendiri untuk Capai Kuasa Nasional

Pihak penyelidik berperanan menghasilkan pengetahuan baharu melalui penyelidikan dengan pelbagai sumber ilmu dan kaedah memperoleh ilmu yang bersepadu. Bagaimanapun, sebahagian penyelidik hari ini terperangkap dalam kerangka keilmuan Barat dan terikat dengan epistemologi ilmu dan sistem nilai Barat. Epistemologi ilmu Barat menolak wahyu sebagai sumber ilmu dan hanya bergantung kepada sumber empirikal dan rasional untuk memperoleh ilmu. Kerangka keilmuan Barat juga tidak membawa manusia memahami hakikat kewujudan insan dan alam serta jalan mencapai kemajuan dan

kebahagiaan sebenar. Ini berbeza dengan kerangka keilmuan Islam yang telah berjaya memimpin manusia memahami makna kehidupan yang sebenar dan mencapai kehidupan yang baik. Contohnya, kerangka keilmuan Islam dan Barat menginterpretasi konsep keadilan secara berbeza. Keadilan Islam meletakkan sesuatu pada tempatnya dan menjamin kebahagiaan hidup seluruh manusia manakala keadilan Barat meletakkan kesamarataan pada semua perkara sehingga menindas pihak yang lemah.

Peranan dan sumbangan penyelidik perlu dilihat dalam skop kehidupan manusia yang lebih luas bukan sekadar dalam skop akademik mahupun ekonomi semata-mata. Malangnya, Malaysia masih tunduk dan terikat dengan kerangka keilmuan Barat walaupun telah merdeka secara fizikal. Inilah yang disebut oleh beberapa sarjana tempatan sebagai *epistemicide* dan penjajahan minda. Penjajahan Barat telah melenyapkan dan menindas falsafah ilmu, pengalaman sejarah dan kearifan tempatan bangsa-bangsa di seluruh dunia termasuk kerangka keilmuan Melayu-Islam. Akibatnya, pembangunan dan kemajuan semua negara di dunia hari ini dilihat dalam pandangan alam (*worldview*) yang berasaskan humanisme dan eurosentrisme. Penjajah Barat juga tidak mengiktiraf pendidikan di istana, masjid, madrasah dan lain-lain di Alam Melayu kerana pandangan mereka yang sekular. Ini membawa kepada dikotomi ilmu yang memisahkan ilmu agama, sains dan kemanusiaan.

Pada masa kini, majoriti institusi pengajian tinggi di seluruh dunia mendambakan pengiktirafan Barat dan bersaing dalam perlumbaan penarafan universiti antarabangsa. Sebahagian besar KPI universiti dan pensyarah ditentukan berdasarkan kriteria-kriteria yang terkandung dalam penarafan universiti antarabangsa sehingga mengabaikan kehendak dan aspirasi nasional. Tidak mengejutkan atau menghairankan apabila ada banyak universiti di seluruh dunia yang telah sedar dan tidak lagi taasub untuk mengejar penarafan universiti antarabangsa. Misalnya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Utrecht di Belanda serta Universiti Renmin, Nanjing dan Lanzhou di China telah menarik diri dari penarafan universiti antarabangsa kerana matlamat dan nilai keilmuan mereka tidak selari dengan nilai keilmuan yang diangkat dalam penarafan universiti antarabangsa. Bagaimanapun, masih belum ada suatu kesedaran dan kesatuan nasional yang kuat untuk memerdekakan sistem pengajian tinggi dan penyelidikan di Malaysia dari penjajahan minda yang menjadi hamba kepada industri dan agenda Barat.

4.0 Kesimpulan

Malaysia mampu memanfaatkan potensi sebenar sumbernya bagi mencapai kuasa nasional dan menjadi sebuah negara yang kuat, maju dan berdaulat mengikut acuannya sendiri. Pendidikan dan penyelidikan nasional mempunyai peranan penting dalam merealisasikan impian nasional ini berasaskan falsafah peradabannya yang tersendiri. Bagaimanapun, selagi Malaysia tidak mempunyai kerangka ilmunya yang tersendiri, Malaysia tidak akan mencapai kebebasan kehendak dan wewenang mutlak di mana penyelidikan nasional hanya memenuhi kepentingan asing atau berkiblatkan ekonomi semata-mata. Bahkan pendidikan akan terus dilihat dalam ruang sempit di sekolah dan universiti sahaja sehingga mengecilkan sumbangan penyelidik menyebarkan ilmu kepada masyarakat melalui penulisan di jurnal, buku, makalah dan akhbar serta penyampaian di pelbagai platform lain seperti media sosial dan masjid.

Sekiranya Malaysia mempunyai kehendak dan cita-cita nasional yang asli, merdeka dan kuat kerana berdiri di atas manhaj, epistemologi dan nilai ilmunya sendiri, seluruh penduduk akan menikmati kehidupan yang jauh lebih baik sepadan dengan kemuliaan manusia yang diciptakan sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini. Oleh itu, pendidikan dan penyelidikan nasional perlu keluar dari kerangka keilmuan Barat dan kembali mendaulatkan falsafah dan kerangka keilmuan sendiri. Semua pihak samada kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, institusi pendidikan dan penyelidikan serta seluruh lapisan masyarakat harus mengambil bahagian dan memainkan peranan masing-masing dalam perjuangan kemerdekaan yang belum selesai ini.